

# PM terima anugerah khas Bapa Pembangunan Belia Sabtu ini

UM - 13/5/2004 : 2

KUALA LUMPUR, 12 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menerima anugerah khas, Bapa Pembangunan Belia sempena Hari Belia Negara 2004 peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, Sabtu ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said berkata, anugerah yang diberikan oleh kementeriannya itu adalah sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri kerana komitmen dan penglibatan secara langsung sebagai pemimpin belia sejak masih muda.

Katanya, pada majlis itu Abdullah akan turut menyampaikan amanat beliau kepada golongan belia di seluruh negara.

"Penglibatan Perdana Menteri begitu banyak dengan pertubuhan belia. Beliau telah mewujudkan Gabungan Pelajar Melayu Semanjung (GPMS) dan Majlis Perundingan Belia.

"Bagi beliau peranan belia bukan sahaja untuk dilihat tetapi juga didengar," katanya kepada

pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di Kementerian Belia dan Sukan, di sini hari ini.

"Tahun ini, Anugerah Belia Negara 2004 akan disampaikan kepada pemenang mengikut kategori kepimpinan, sukarela, keusahawanan, kemahiran, Anugerah Khas Tokoh Belia Lelaki, Anugerah Khas Tokoh Belia Wanita dan Anugerah Khas Daya Juang — Malaysia Boleh.

"Satu daripada tiga buah pertubuhan belia yang cemerlang akan menerima Anugerah Perdana Pertubuhan Belia 2004," katanya.

Kira-kira 15,000 belia yang mewakili pertubuhan belia peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara akan terlibat dalam perhimpunan itu.

Sementara itu, kata beliau, tema Hari Belia Negara 2004, iaitu 'Belia Cemerlang, Bangsa Gemilang, Negara Terbilang' dipilih sebagai mendukung hasrat negara mahu membina satu masyarakat yang segar, aktif dan dinamik.

Dalam pada itu, beberapa aktiviti lain turut diadakan sempena hari tersebut, iaitu Pameran Kece-merlangan Belia dan Konvensyen Belia Kebangsaan.

"Pameran yang diadakan pada hari Sabtu di Stadium Putra, Bukit Jalil memberi peluang kepada masyarakat Malaysia melihat pencapaian belia dalam pelbagai bidang, memperoleh maklumat mengenai peluang latihan kemahiran untuk belia dan program Rakan Muda,"ujarnya.

Tambah Azalina, konvensyen pula akan diadakan di Hotel Mint bermula esok hingga Sabtu.

Satu forum bertajuk 'Pra Syarat Pembentukan Negara Terbilang — Peranan Belia Malaysia Dalam Era Globalisasi' akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 14 Mei.

Ia akan dihadiri oleh kira-kira 400 peserta terdiri daripada pemimpin belia, pemimpin pelajar, sukarelawan Rakan Muda serta pemimpin badan-badan sukarela.